

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 5 DISEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 24

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1533-L12989
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha untuk memperkenalkan inisiatif penubuhan Suruhanjaya Perundangan dan Undang-undang supaya reformasi perundangan dapat dijayakan dengan lebih berkesan.

2. PN-1533-L12538
Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
 - (a) sejauh manakah kejayaan komersial berimpak tinggi telah tercapai di dalam teknologi IR 4.0 melalui peruntukan Kementerian dalam sektor-sektor utama negara; dan

 - (b) strategi jangka panjang bagi memastikan pengkomersialan teknologi ini terus diperkasa dan memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi serta pembangunan sosial Malaysia.

3. PN-1533-L12839
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh Kerajaan bagi membantu golongan miskin di kawasan luar bandar Sarawak memandangkan jurang ekonomi antara penduduk bandar dan luar bandar adalah berbeza.

4. PN-1533-L12943
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan insentif-insentif yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi membantu perusahaan mikro mengakses pasaran tempatan dan antarabangsa bagi usahawan-usahawan wanita berbangsa India secara khususnya dan apakah usaha untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam memperluaskan jangkauan pasaran mereka.
5. PN-1533-L12770
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan paling berkesan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dalam menangani isu kemalangan jalan raya maut yang melibatkan kenderaan berat yang mengalami kerosakan brek dan dipandu secara melulu serta cuai.
6. PN-1533-L12495
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah dasar-dasar dan program-program Kerajaan dalam membangunkan industri inap desa di Malaysia khususnya dalam membantu ekonomi rakyat di luar bandar.
7. PN-1533-L13066
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam menangani masalah lambakan graduan yang menganggur.
8. PN-1533-L12739
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah peruntukan bantuan yang disalurkan oleh Kementerian kepada sekolah-sekolah khususnya sekolah di kawasan luar bandar kerana kebanyakan sekolah sering dilihat mencari dana apabila ingin menjalankan sesuatu aktiviti atau program.
9. PN-1533-L12904
Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan hasil sesi libat urus dan kajian yang telah dijalankan susulan pengumuman gaji minimum yang dinaikkan kepada RM 1,700.

10. PN-1533-L12605
Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk membuka cawangan Institut Kanser Negara di negeri Sabah agar rawatan berteknologi moden dan kepakaran dalam bidang rawatan kanser mampu memberi manfaat kepada pesakit kanser di negeri Sabah yang terdiri daripada lebih 3 orang juta orang penduduk.
11. PN-1533-L12411
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi membanteras budaya '*dark side*' dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap pengendali akaun yang menawarkan aktiviti pelacuran dalam talian seperti di platform X dan Telegram.
12. PN-1533-L12506
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengawal selia Penginapan Kediaman Jangka Pendek (STRA) seperti Airbnb di negara ini dan bagaimanakah Kementerian mampu memastikan STRA tidak merencatkan industri perhotelan dalam persediaan menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2026.
13. PN-1533-L12829
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan komitmen Kementerian dalam menyelesaikan isu kadar pengangguran belia dan tahap kesihatan mental belia di negara ini serta cabaran sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh generasi muda.
14. PN-1533-L12728
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini berkenaan kajian Pelan Strategik Lapangan Terbang Negara (NASP) untuk projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP).
15. PN-1533-L13000
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kanak-kanak yang terbantut di setiap negeri dalam tempoh lima tahun yang lepas dan strategi Kerajaan dalam menangani masalah ini.

16. PN-1533-L12788

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan visi, misi dan objektif yang telah ditetapkan untuk Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memperkasa pemain industri pelancongan tempatan.

17. PN-1533-L12371

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani isu diskriminasi dalam pengambilan pekerja terutama diskriminasi berdasarkan kaum, agama dan jantina; dan
- (b) adakah Kementerian merancang untuk memperkenalkan undang-undang atau kod etika yang lebih tegas dalam mengatasi isu ini.

18. PN-1533-L12750

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai Hospital Padang Besar, sama ada ia akan diteruskan atau dibatalkan.

19. PN-1533-L13045

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh Kementerian dalam menaik taraf pelabuhan Kemaman supaya setanding dengan pelabuhan utama negara.

20. PN-1533-L12443

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memerangi penyebaran barangan tiruan dan cetak rompak yang terus berlaku di pasaran tempatan, terutamanya dalam talian.

21. PN-1533-L12815

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah drastik dan perancangan berterusan yang dilakukan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah banjir kilat terutamanya di kawasan bandar dan perumahan.

22. PN-1533-L12708

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan Jawatankuasa Khas Tindakan Gempur Kehadiran Calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024/2025 bagi menangani isu ketidakhadiran calon peperiksaan SPM.

23. PN-1533-L12552

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan manfaat penyertaan Malaysia sebagai negara tumpuan di Ekspo Import Antarabangsa China di Shanghai dan bagaimanakah Kerajaan merancang untuk memanfaatkan peluang ini bagi meningkatkan hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dan China.

24. PN-1533-L12453

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat membantu warga emas yang ramai di rumah panjang di Sarawak kerana ahli keluarga tidak mampu menyara orang tua mereka akibat kemiskinan dan tiada punca pendapatan yang stabil di kampung serta rumah panjang.

25. PN-1533-L12925

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan setakat manakah kejayaan dalam usaha untuk meningkatkan keberhasilan beras dalam negara, dan apakah kesannya kepada negara serta kawalan harga beras.

26. PN-1533-L12354

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah Malaysia memastikan hubungan dan pelaburan dengan negara luar seperti Amerika Syarikat, China dan Eropah tidak terjejas memandangkan geopolitik dunia dilihat semakin mencabar dengan peperangan.

27. PN-1533-L12433

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menangani isu penghijrahan golongan muda dari kawasan luar bandar ke bandar dan menggalakkan mereka untuk terus menetap dan bekerja di kawasan desa.

28. PN-1533-L12661

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian berusaha mengangkat agenda akauntabiliti terhadap mana-mana Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) yang mempunyai rekod pengurusan dan pelaburan yang kurang baik.

29. PN-1533-L13091

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sejak bilakah Pihak Berkuasa Air (PBA) atau operator air di negeri Kelantan mula memohon untuk mendapatkan empangan takungan.

30. PN-1533-L12562

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mekanisme yang akan digunakan untuk mengukur pendapatan boleh guna individu yang bekerja sendiri dan bagaimanakah Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar dapat dijadikan sebagai rasionalisasi dalam memuktamadkan segmen isi rumah yang berkelayakan untuk menikmati satu-satu subsidi bersasar atau bantuan kewangan Kerajaan.

31. PN-1533-L12403

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) perincian mengenai jumlah tangkapan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) semasa pentadbiran Kerajaan MADANI dan sebab-sebab tangkapan dilakukan; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menambah baik akta tersebut dalam masa terdekat atau mempertimbangkan pemansuhannya pada masa hadapan.

32. PN-1533-L12614

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula skim subsidi baja padi daripada sudut kesesuaian dan keberkesanan memandangkan petani perlu membeli baja dan vitamin tambahan daripada pembekal luar bagi meningkatkan hasil penuaian padi; dan

- (b) apakah langkah Kerajaan yang seterusnya bagi menangani masalah hilangnya beras putih tempatan daripada pasaran yang masih berlarutan sejak tahun lepas sehingga sekarang.
33. PN-1533-L12423
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah asbab jika dilihat kebelakangan ini nilai Ringgit Malaysia semakin kukuh berbanding Dolar Amerika Syarikat.
34. PN-1533-L12719
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa peratuskah kenaikan bantuan dan elaun yang dianggarkan akan terlibat bagi menampung pemberian kepada golongan B40 selepas tindakan Kerajaan mengklasifikasikan semula tangga gaji B40, M40 dan T20 bagi tujuan penyerasan subsidi.
35. PN-1533-L13026
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai negara yang mendapat pengiktirafan kemasukan rakyatnya ke Malaysia menggunakan sistem pagar automatik (*autogate*) Jabatan Imigresen Malaysia di pintu masuk utama negara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan nyatakan alasannya.
36. PN-1533-L12391
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah perdagangan dalam mata wang Rupee akan mengurangkan harga kos barangan dan harganya akan menurun susulan kejayaan Perdana Menteri dalam lawatan ke negara India yang meraih komitmen pelaburan sebanyak RM4.5 bilion.
37. PN-1533-L12934
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan pelepasan cukai kepada pengusaha hospital swasta terhadap usaha mereka yang memberikan rawatan yang sedia ada kepada golongan B40 atau miskin tegar yang boleh dikategorikan sebagai inisiatif khidmat masyarakat.

38. PN-1533-L12698

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan prestasi terkini Malaysia berbanding negara-negara ASEAN yang lain dalam menarik pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia dan sejauh manakah inisiatif di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) telah atau sedang membuahkan hasil untuk meningkatkan daya saing negara.

39. PN-1533-L12755

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang lebih efektif dan telus untuk membendung ketirisan dalam pengedaran dan bekalan baja padi di bawah projek Kerajaan.

40. PN-1533-L12485

Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) dari segi kelengkapan data rakyat Malaysia dan adakah kelengkapan data tersebut memadai untuk pembangunan definisi T-15/T-10 untuk tujuan penyasaran dan rasionalisasi subsidi seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2025.

41. PN-1533-L12382

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian merancang untuk meningkatkan penglibatan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan ASEAN dan apakah inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk memastikan suara Malaysia didengari pada peringkat antarabangsa.

42. PN-1533-L13054

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah intervensi oleh Kementerian bagi menangani masalah kenaikan harga beras putih import.

43. PN-1533-L12896

Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah Kementerian untuk memanfaatkan teknologi satelit dalam pemantauan dan pengurusan ladang bagi komoditi-komoditi utama seperti getah, sawit, koko dan lain-lain yang terkesan oleh *European Union Deforestation Regulation* (EUDR); dan

- (b) apakah usaha yang dilakukan untuk membantu pekebun kecil memenuhi syarat pematuhan EUDR.
44. PN-1533-L13073
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan yang diambil terhadap peniaga-peniaga yang menghalang laluan pejalan kaki bagi golongan cacat penglihatan (buta).
45. PN-1533-L12803
Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah prestasi perkhidmatan feri di Pulau Pinang selepas feri warisan digantikan dan mengapa terdapat penurunan ketara dari segi pengguna motosikal berbanding tahun 2018 serta bagaimanakah sambutan untuk Pas Mutiara My50.
46. PN-1533-L12518
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan dan inisiatif Kerajaan untuk menghapuskan ajaran tarekat Aurad Muhammadiyah dalam Al-Arqam dan GISBH serta nyatakan apakah program pemulihan yang dilakukan ke atas mereka yang berselindung di bawah nama kebajikan dan ekonomi GISBH.
47. PN-1533-L13014
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan komitmen Kerajaan untuk mengatasi isu konflik kepentingan dan kronisme dalam pemberian tender Kerajaan termasuklah perancangan untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan perolehan awam.
48. PN-1533-L12969
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang berasal dari kaum India dalam perkhidmatan awam pada masa kini.
49. PN-1533-L12807
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam usaha pencegahan peningkatan penyakit kronik dalam kalangan rakyat Malaysia seperti sakit jantung, kencing manis, darah tinggi, dan obesiti agar dapat meringankan beban Kerajaan dalam menyediakan ubat dan rawatan kepada pesakit.

50. PN-1533-L12573
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan usaha yang dilaksanakan ke arah mewujudkan sistem kitaran bekalan air bersih yang mampan rentetan daripada laporan The Global Commission on the Economics of Water (GCEW) yang menyatakan bahawa penghasilan makanan akan berdepan kekangan besar sekiranya sumber air tidak diurus dengan cekap.
51. PN-1533-L13034
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang telah dilucutkan taraf kewarganegaraan sepanjang tahun 2023 dan 2024 mengikut kategori, serta apakah faktor-faktor yang menyebabkan tindakan tersebut diambil.
52. PN-1533-L12886
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melakukan penilaian pelaksanaan dan keberkesanan pekeliling-pekeliling penegasan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi pentadbiran negara (khususnya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2011: Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020: Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam).
53. PN-1533-L12878
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan garis masa untuk melengkapkan Kerangka Insentif Pelaburan Baharu (KIPB) dan bilakah kerangka ini bersedia untuk dilancarkan.
54. PN-1533-L12491
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah dua klinik kesihatan di Daerah Kabong termasuk dalam Belanjawan 2025 bagi peruntukan untuk menaik taraf klinik kesihatan memandangkan struktur dan kemudahan klinik tersebut perlu diberi perhatian oleh Kerajaan.
55. PN-1533-L12463
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah pemohon yang telah berjaya memohon lesen untuk mengeksport buah durian masak segar termasuk Durian Musang King ke negara China serta adakah jumlah tersebut perlu ditambah.

56. PN-1533-L12633

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tahap pencapaian Bank Negara Malaysia setakat ini dalam menjayakan *Project Nexus* iaitu pelaksanaan *instant payment system (IPS)* antara negara dan bank-bank pusat lain yang telah dilancarkan oleh Bank Dunia sebelum ini.

57. PN-1533-L12671

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimana Kementerian berhasrat untuk memperkasakan penglibatan syarikat Bumiputera dalam rantai bekalan melalui perkongsian pintar antara syarikat Bumiputera, syarikat bukan Bumiputera, atau syarikat global menerusi Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera (PuTERA35).

58. PN-1533-L12586

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan susulan Wisma Putra terhadap kelibat pencerobohan kapal pengawal pantai China di Beting Patinggi Ali yang kerap kali mengganggu dan memasuki perairan negara secara haram lebih-lebih lagi di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE).

59. PN-1533-L12866

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapakah anggaran kutipan hasil daripada Cukai Keuntungan Modal (CGT) ke atas saham tidak tersenarai; dan
- (b) berapa banyak yang akan dikutip daripada cukai pendapatan terhadap dividen saham.

60. PN-1533-L13108

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah status pembangunan Cyberjaya sebagai bandar berkarbon rendah menjelang 2030 (Low Carbon City 2030).

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.45/2024) Rang Undang-undang Perbekalan 2025 -
Menyambung semula Perbahasan atas masalah

(4 Disember 2024)

[Menteri Kewangan]

Bacaan Kali Kedua

2. *(D.R.48/2024) Rang Undang-undang Kewangan 2024

[Menteri Kewangan]

Bacaan Kali Pertama

3. *(D.R.49/2024) Rang Undang-undang Langkah-Langkah Bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2024

[Menteri Kewangan]

Bacaan Kali Pertama

4. *(D.R.50/2024) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) (No.2) 2024

[Menteri Kewangan]

Bacaan Kali Pertama

5. *(D.R.43/2024) Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

Bacaan Kali Pertama

6. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
7. *(D.R.18/2024) Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
8. *(D.R.20/2024) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
9. *(D.R.44/2024) Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri Pengangkutan]**
10. *(D.R.46/2024) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri Sumber Manusia]**

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.